

SmartPA Enhanced

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans SmartPA Enhanced. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.
2. Anda dinasihatkan untuk memberikan perhatian kepada jadual manfaat bagi Kematian dan Hilang Upaya di dalam polisi insurans anda. Anda harus menamakan seorang penama dan memastikan bahawa penama anda dimaklumkan tentang polisi yang telah anda beli. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk maklumat lanjut.
3. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia kepada anda bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan sehingga mengakibatkan anda mengalami hilang upaya atau anda perlu menjalani rawatan dan/atau pembedahan atau berlakunya kematian dalam tempoh polisi 12 bulan kalendar. Skim ini mempunyai 7 pelan untuk dipilih oleh anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kematian akibat kemalangan
- Hilang upaya kekal akibat kemalangan
- Bonus pembaharuan
- Ganti rugi berganda semasa menaiki pengangkutan awam, melancong ke luar negara atau menjadi mangsa kecurian ragut atau rompakan atau terlibat dalam kemalangan pada musim perayaan.
- Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan
- Rawatan perubatan alternatif
- Jaminan kemasukan hospital tanpa tunai
- Pergajian dan pembedahan pembedahan
- Elaun harian hospital (maksimum 180 hari)
- Elaun penjagaan ihsan
- Caj mingguan penjagaan kejururawatan (maksimum 4 minggu)
- Yuran ambulans tempatan
- Protesis
- Penghantaran pulang jenazah
- Elaun berkabung / pengebumian / tunai
- Kecurian ragut atau rompakan
- Manfaat Penculikan:
 - a. Bayaran Sekaligus sekiranya pihak diinsuranskan diculik
 - b. Ganjaran untuk maklumat yang membantu penemuan orang yang diinsuranskan ketika masih hidup
 - c. Orang yang diinsuranskan tidak ditemui selepas 1 tahun dari tarikh penculikan
- Pelindung pinjaman
- Liabiliti peribadi

Polisi ini juga merangkumi manfaat-manfaat tambahan berikut dengan caj premium tambahan:

- Hilang upaya menyeluruh sementara

Sila rujuk skala manfaat lengkap yang terdapat di dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda pada setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada pemilihan pelan dan klasifikasi jenis pekerjaan anda.

Contoh :

Untuk Pelan 1 - Diri Sendiri Sahaja (Kelas 1) tanpa faedah Hilang Upaya Sementara, anggaran premium kasar yang merangkumi komisen pengantara insurans tetapi tidak termasuk duti setem adalah RM131.00

4. Apakah yuran lain yang perlu dibayar?

i. Komisen dibayar kepada pengantara insurans	25%
ii. Duti Setem	RM10
iii. Cukai Perkhidmatan	6%

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu dikeketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu seperti aktiviti peribadi anda yang mungkin mempengaruhi profil risiko. Anda harus memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat kerana ianya membentuk asas perlindungan insurans.
- Tunai sebelum perlindungan - Premium penuh hendaklah dibayar dan diterima oleh pihak kami atau pengantara insurans sah sebelum tarikh perlindungan bermula.
- Had Umur : 18 tahun sehingga 69 tahun. Pembaharuan dibenarkan sehingga umur 100 tahun.
- Pampasan – adalah penting bagi anda memaklumkan pada pihak kami dengan kadar segera jika berlaku kematian. Jika berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada pihak kami dalam masa 21 hari.

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Sebarang tindakan melanggar undang undang, sengaja mendedahkan diri kepada bahaya, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan;
- Sebarang kecacatan fizikal, mental atau kelemahan yang sedia wujud
- Virus Immunokurangan manusia dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutasi atau variasinya
- Kesan atau pengaruh alkohol atau dadah
- Kehamilan dan kelahiran anak
- Penyertaan dalam sukan merbahaya – sukan musim sejuk, sukan selam, sukan payung terjun, 'steeple chasing', pemburuan menggunakan kenderaan, sukan professional dan perlumbaan selain daripada penggunaan kaki;
- Penerbangan selain daripada penerbangan sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen untuk membawa penumpang
- Peperangan, pencerobohan dan pemberontakan
- Terlibat dalam perkhidmatan polis, tentera atau laut samada secara tetap atau sementara

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium selepas ditolak premium pada kadar baki tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi mengemaskini rekod profil anda.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Generali Insurance Malaysia Berhad

(dahulunya dikenali sebagai AXA Affin General Insurance Berhad)

Reg No: 197501002042 (23820-W)

Alamat: Ground Floor, Wisma Boustead,

71 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2170 8282

F +603 2031 7282

E customer.service.gi@generali.com.my

generali.com.my

Agent yang diberikuasa:

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Sila rujuk kepada cawangan, ejen atau laman web kami www.generali.com.my untuk mengetahui mengenai perlindungan lain yang ada.

Sekiranya terdapat pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.